

10/01/1997

Semua pejabat kerajaan dilengkapi komputer

MELAKA, Khamis - Semua pejabat jabatan serta agensi kerajaan di negeri ini akan dilengkapi rangkaian komputer dalam tempoh dua tahun ini selaras matlamat mewujudkan konsep koridor raya multimedia di negara ini.

Sebagai permulaan, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) sudah pun dilengkapi kemudahan itu dan diikuti jabatan serta agensi lain termasuk Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, yakin program yang akan dilaksnakan segera itu dapat disiapkan keseluruhannya menjelang akhir tahun 1998.

Menurutnya, kerajaan negeri sedar keperluan setiap jabatan dan agensinya dilengkapi dengan peralatan komputer canggih untuk memudahkan urusan serta memberi keselesaan kepada masyarakat.

"Kita menganggap MPMBB sebagai pemangkin dalam proses pengkomputeran jabatan dan agensi kerajaan. Ini diharap menjadi contoh dan teladan terbaik bagi setiap jabatan yang bakal melaksanakan program berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran penggunaan Internet dikenali MPMBB-Net dan Homepej MPMBB di Dewan Taming Sari, MPMBB di Ayer Keroh dekat sini, hari ini.

Mohd Zin berkata, pelancaran penggunaan sistem itu menjadikan MPMBB sebagai agensi kerajaan negeri pertama di negeri ini dilengkapi rangkaian sistem maklumat terkini dan bertaraf antarabangsa.

Beliau menganggap pencapaian itu sebagai satu permulaan kepada matlamat kerajaan mewujudkan sebuah kerajaan berelektronik bermatlamat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatannya.

Menurutnya, langkah itu selaras dengan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi maklumat secara meluas.

(END)